

Terma dan Syarat Kad Visa Touch 'n Go eWallet

Kad Visa Touch 'n Go eWallet (atau "**Kad Visa**") adalah suatu kad prabayar yang boleh digunakan di seluruh dunia di mana-mana sahaja kad Visa diterima, tertakluk pada terma dan syarat seperti yang dinyatakan di sini. Kad Visa tersebut dipautkan kepada Touch 'n Go eWallet anda dan amaun yang anda boleh gunakan melalui kad tersebut adalah tertakluk pada pengekalan dana yang mencukupi dalam Touch 'n Go eWallet anda (sekiranya ada).

Kad Visa diisukan oleh TNG Digital Sdn. Bhd. ("**TNGD**") (No. Pendaftaran Syarikat: 201701042478) dan tertakluk pada Terma-terma dan Syarat-syarat Kad Visa Touch 'n Go eWallet di sini ("**Terma & Syarat Kad Visa**"). Terma & Syarat Kad Visa hendaklah dibaca bersama Helaian Pendedahan Produk Kad Visa Touch 'n Go eWallet ("**HPP Kad Visa**") dan Terma dan Syarat Touch 'n Go eWallet dan, melainkan dinyatakan sebaliknya, istilah berhuruf besar mempunyai maksud seperti yang didefinisikan di dalamnya. Di mana berkenaan, peruntukan-peruntukan tersebut haruslah dipatuhi dengan niat baik dan pematuhan Terma dan Syarat dan undang-undang Malaysia yang terpakai berkenaan Perkhidmatan tersebut, (termasuk tetapi tidak terhad kepada Kaedah-kaedah dan Peraturan-peraturan/Garis Panduan Bank Negara Malaysia (BNM), Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Wang Tak Dituntut 1965, Dasar Pertukaran Asing Bank Negara Malaysia, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembentangan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA), dan kesemua perundungan subsidiari, kaedah dan peraturan, notis, arahan atau direktif yang diisukan di bawahnya oleh kerajaan, pihak berkuasa dan agensi kawal selia yang berkenaan, dan/atau sebarang notis, arahan, direktif atau garis panduan yang diberikan TNGD berhubung Perkhidmatan tersebut yang mana boleh diubah dari semasa ke semasa;

Sila baca Terma & Syarat Kad Visa dan hanya menggunakan Kad Visa anda sekiranya anda bersetuju dengan terma dan syarat yang dinyatakan di sini. Dengan menggunakan Kad Visa tersebut, anda mengakui bahawa anda telah membaca dan memahami sepenuhnya Terma dan Syarat Kad Visa sebelum penggunaannya dan pengaktifan dan/atau penggunaan anda membentuk penerimaan tanpa syarat anda terhadap Terma & Syarat Kad Visa di sini yang mana boleh diubah oleh TNGD dari semasa ke semasa. Jika anda tidak bersetuju dengan Terma & Syarat Kad Visa di sini, sila jangan meneruskan dengan pengaktifan atau penggunaan Kad Visa tersebut.

Definisi

Bagi tujuan Terma & Syarat Kad Visa ini, istilah yang berikut mempunyai maksud seperti yang didefinisikan di bawah:

"3D Secure"	bererti suatu protokol keselamatan bagi keselamatan yang dipertingkatkan dan pengesahan identiti Pemegang Kad Visa yang lebih kukuh apabila Kad Visa digunakan untuk transaksi dalam talian yang memerlukan OTP;
"Yuran Permohonan"	RM15.00 untuk setiap permohonan Kad Visa baru atau amaun tertentu yang boleh dikemaskini dan dimaklumkan oleh TNGD dari semasa ke semasa;
"ATM"	bererti mesin-mesin teler automatik;
"Transaksi ATM" atau "Pengeluaran Tunai"	bererti transaksi-transaksi yang merujuk kepada pengeluaran tunai daripada Kad Visa, sama ada melalui ATM atau di kaunter atau saluran-saluran bersemuka di mana pengeluaran sedemikian dibenarkan;

“Baki Tersedia”	bererti amaun dana sebenar yang tersedia pada bila-bila masa untuk penggunaan dalam baki Akaun Touch ‘n Go eWallet anda;
“Had Kad Visa” atau “Had eWallet”	merujuk kepada had yang sama seperti yang terpakai kepada Touch ‘n Go eWallet sebagai had pengawalseliaan maksimum dan amaun dana maksimum yang boleh ditransaksikan menggunakan Akaun Touch ‘n Go eWallet anda dan juga Kad Visa anda pada bila-bila masa;
“PIN Kad Visa”	bererti nombor pengenalan peribadi yang dicipta dengan Kad Visa tersebut (dan kemudiannya diubah oleh Pemegang Kad Visa) yang mana mungkin perlu dimasukkan oleh Pemegang Kad Visa untuk transaksi-transaksi yang memerlukan kemasukan atau pengesahan PIN Kad Visa;
“Transaksi Kad Visa”	bererti transaksi-transaksi yang merujuk kepada sebarang pembelian runcit atau dalam talian (termasuk Transaksi ATM) yang dibuat dengan atau pada Kad Visa tersebut;
“Pemegang Kad Visa”	bererti anda atau seseorang individu yang telah memohon, mendaftar, dan berjaya diluluskan dan diisukan dengan suatu Kad Visa;
“Pembaca Tanpa Sentuhan”	bererti peranti/mesin titik penjualan (POS) yang mana Kad Visa boleh digunakan untuk melaksanakan Pembayaran Tanpa Sentuh;
“CSA”	bererti ejen khidmat pelanggan TNGD yang boleh dihubungi di +603 5022 3888;
“Pembayaran Tanpa Sentuhan”	bererti bayaran-bayaran yang dibuat melalui Pembaca Tanpa Sentuhan bagi pembelian barang dan/atau perkhidmatan dan dicaj kepada Pemegang Kad Visa dengan mengetik atau melambai Kad Visa Pemegang Kad Visa pada/di Pembaca Tanpa Sentuhan yang didaftarkan sebagai berjaya dibuat/dibayar oleh sistem-sistem TNGD;
“e-KYC”	bererti proses elektronik “know-your-customer” yang dijalankan oleh TNGD atas pengguna-penggunanya melalui Touch ‘n Go eWallet bagi tujuan pengesahan identiti dan tujuan keselamatan yang lain;
“e-Duit”	bererti duit elektronik yang berpaut dengan Kad Visa anda, suatu skim bagi pengisuan duit elektronik (‘e-duit’) sebagai suatu instrumen pembayaran yang ditetapkan di bawah peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013;
“Dokumen pengenalan”	bererti dokumen-dokumen pengenalan peribadi anda yang boleh diminta oleh pihak kami daripada anda dari semasa ke semasa;
“Pengisu”	bererti TNGD atau pemegang serahhaknya;
“Peniaga”	bererti peruncit, atau mana-mana orang lain, firma atau perbadanan, pekerja-pekerja, pengkhidmat-pengkhidmat, atau ejen-ejennya yang menerima kad yang memaparkan simbol atau tanda penerimaan Visa dan/atau menerima bayaran menggunakan kad Visa dan telah bersetuju untuk membekalkan barang dan/atau perkhidmatan kepada Pemegang Kad Visa;
“Aplikasi Mudah Alih / Touch ‘n Go eWallet”	bererti perisian/aplikasi mudah alih TNGD yang mana membolehkan anda memohon dan mendaftar untuk Kad Visa tersebut, mengaktifkan, mengakses, menetapkan, dan mengubah tetapan kepada Kad Visa anda;

“Peranti Mudah Alih”	bererti telefon bimbit, telefon mudah alih, atau peranti mudah alih lain yang dimiliki atau digunakan oleh Pemegang Kad Visa yang dipautkan kepada Akaun Touch ‘n Go eWallet Pemegang Kad Visa tersebut;
“Penawaran Baru”	bererti perkhidmatan-perkhidmatan, ciri-ciri, produk-produk, atau tawaran-tawaran, promosi-promosi, dan kempen-kempen lain bersama atau berkait dengan Kad Visa tersebut yang mungkin diperkenalkan oleh TNGD dari semasa ke semasa;
“OTP”	bererti PIN satu kali yang biasanya merupakan kod enam-digit yang dijanakan oleh Pengisu dan dihantar kepada nombor telefon mudah alih Pemegang Kad Visa yang berkait dengan Touch ‘n Go eWallet anda bagi tujuan penukaran PIN Kad Visa dan pengesahan untuk memudahkan transaksi-transaksi 3D Secure dalam talian, dan tujuan lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh TNGD dari semasa ke semasa;
“Helaian Pendedahan Produk” atau “HPP”	bererti dokumen pendedahan yang menerangkan Kad Visa tersebut, termasuk ciri-ciri, yuran, caj, faedah dan perkhidmatan yang boleh dijumpai di dalam Aplikasi Touch ‘n Go eWallet atau di Laman Web.
“Butiran Keselamatan”	bererti kod keselamatan, soalan dan jawapan keselamatan, dan butiran keselamatan lain yang digunakan untuk mengesahkan identiti anda atau sebab keselamatan lain yang boleh ditetapkan anda berkenaan Kad Visa anda;
“Touch ‘n Go eWallet” atau “Aplikasi Touch ‘n Go eWallet”	bererti aplikasi mudah alih yang dikenali sebagai “Touch ‘n Go eWallet” yang dimiliki dan dikendalikan oleh TNGD;
“Kad Visa TNG” atau “Kad Visa”	bererti kad pembayaran prabayar dalam plastik atau bentuk maya dengan kefungsian tanpa sentuhan (di mana Visa PayWave didayakan) yang membawa nama Visa dan/atau tanda perkhidmatan Visa dan diisukan oleh TNGD (dan sebarang penggantian dan/atau pembaharuan);
“Transaksi”	bererti Transaksi ATM, Transaksi Kad Visa, Pembayaran Tanpa Sentuh, dan/atau apa-apa transaksi lain yang dibuat menggunakan Kad Visa tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada, transaksi bukan runcit (contohnya, perkhidmatan profesional di klinik, dan sebagainya) mengikut konteks yang berkenaan;
“Terma dan Syarat Pengguna”	bererti terma-terma dan syarat-syarat am yang terpakai kepada penggunaan Touch ‘n Go eWallet yang mana, untuk mengelakkan sebarang keraguan, hendaklah terpakai secara tambahan kepada penggunaan Kad Visa tersebut;
“Visa”	bererti Visa Inc.;
“Kami” atau “kami”	bererti TNGD;
“Laman Web” atau “Laman”	bererti https://www.touchngo.com.my ;
“Anda” atau “anda”	bererti Pemegang Kad Visa;

1. Penggabungan Terma dan Syarat Pengguna Touch ‘n Go eWallet

1.1 Kad Visa tersebut hendaklah digunakan bersama dengan Touch ‘n Go eWallet kerana kad tersebut dipautkan dengan Akaun Touch ‘n Go eWallet anda, dan untuk mengelakkan keraguan, kesemua Terma dan Syarat Pengguna yang terpakai kepada penggunaan Touch ‘n Go eWallet secara amnya hendaklah (atau dengan pengubahsuaian yang difahami semunasabahnya) terpakai sebagai tambahan kepada Terma & Syarat Kad Visa tersebut, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, peruntukan berkenaan tanggungjawab anda, sekatan penggunaan, privasi dan penggunaan data peribadi dan data lain, penamatkan dan penggantungan, dan liabiliti.

2. Ketersediaan Kad Visa tersebut dan Perkhidmatan lain

2.1 Kad Visa tersebut dan kesemua perkhidmatan lain disediakan kepada anda atas budi bicara TNGD. TNGD tidak diwajibkan untuk memberikan sebarang sebab bagi sebarang penolakan pengisuan Kad Visa kepada anda atau untuk menggantung atau mengehadkan sebarang kemudahan, perkhidmatan atau kefungsian padanya, atau untuk menyekat, menggantung, membatalkan atau menamatkan Kad Visa anda.

2.2 TNGD juga berhak untuk tidak meluluskan atau mengisukan Kad Visa kepada anda dan/atau menggantung, menyekat, mengehadkan atau mengubahsuai sebarang kefungsian atau perkhidmatan di bawahnya, membatalkan atau menamatkan Kad Visa anda, menyekat/menolak/membalikkan sebarang transaksi, dan/atau apa-apa tindakan lain jika anda (dan/atau termasuk sekutu-sekutu anda di mana anda disyaki beroperasi sebagai sindiket atau *modus operandi* lain yang serupa):

2.2.1 telah disenaraihitamkan oleh mana-mana institusi kewangan, bank berlesen atau pengisu e-duit di Malaysia atau di luar negara;

2.2.2 adakah daripada negara yang disekat;

2.2.3 telah dimasukkan dalam senarai pengawasan dalaman kami;

2.2.4 adalah termasuk dalam Senarai Khas Warga Negara (SDN), individu yang mempunyai pengaruh politik (PEP), atau saudara atau sekutu rapat PEP (RCA) senarai atau sumber maklumat pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan lain yang berkaitan, senarai pengawasan, atau pangkalan data berkaitan yang dikenalkan atau dibekalkan oleh pihak berkuasa atau agensi pemantauan tempatan atau asing dari semasa ke semasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada, Bank Negara Malaysia, Resolusi Majlis Keselamatan PBB (UNSCR), Pejabat Kawalan Aset Asing (OFAC), dan Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (FATF);

2.2.5 anda atau Kad Visa anda disenaraikan sebagai akaun yang telah dikompromi, disenaraihitamkan, atau senarai pengawasan lain oleh Visa; dan/atau

2.2.6 anda atau Kad Visa anda atau Akaun Touch ‘n Go eWallet and telah dikesan bagi aktiviti pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, penipuan, menyalahi undang-undang dan aktiviti lain yang mencurigakan.

- 2.3 Kad Visa anda akan digantung, disekat, dibataskan, dihadkan, atau ditamatkan secara automatik jika Akaun Touch 'n Go eWallet yang dipadankan juga telah digantung, disekat, dibataskan, dihadkan, atau ditamatkan atas apa-apa jua sebab.
- 2.4 TNGD tidak bertanggungjawab dalam apa jua cara untuk sebarang atau kesemua kerugian atau kerosakan yang mungkin anda alami yang berbangkit daripada pelaksanaan hak TNGD dalam Terma & Syarat Kad Visa ini dan/atau yang berbangkit daripada keingkaran anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
- 2.4.1 kegagalan untuk membekalkan maklumat dan dokumen yang benar, tepat, dan lengkap;
 - 2.4.2 representasi, waranti, atau pengisytiharan lain adalah atau menjadi tidak benar;
 - 2.4.3 kesilapan atau peninggalan atau kegagalan anda untuk mematuhi Terma & Syarat Kad Visa ini;
 - 2.4.4 kegagalan untuk membayar yuran, kos, atau caj yang berkenaan;
 - 2.4.5 disenaraikan dalam mana-mana senarai hitam atau senarai pengawasan yang dinyatakan di sini;
 - 2.4.6 mendedahkan atau membenarkan atau sebaliknya cuai mengakibatkan butiran peribadi, PIN Kad Visa, OTP, atau Butiran Keselamatan anda diketahui pihak lain, termasuk dengan menetapkan atau mencipta suatu PIN Kad Visa yang boleh diteka seperti tarikh lahir, nombor Kad Pengenalan anda, dan sebagainya; atau
 - 2.4.7 kegagalan untuk mematuhi sebarang sekatan penggunaan atau sebarang terma dan syarat di sini.
- 2.5 Sebagai suatu entiti yang dikawal selia, TNGD memainkan peranan yang penting dalam melawan pengubahan wang haram, keganasan kewangan, jenayah kewangan, dan aktiviti lain yang menyalahi undang-undang dan ketersediaan Kad Visa tersebut dan perkhidmatan lain yang berkaitan adalah tertakluk kepada:
- 2.5.1 pematuhan anda dengan pengesahan identiti kami, perakaman maklumat peribadi anda, dan proses-proses keselamatan lain melalui saluran rasmi kami, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, menghubungi anda untuk mengesahkan Transaksi bernilai tinggi;
 - 2.5.2 pemeriksaan pematuhan AML dan pengesahan sumber dana anda (di mana diperlukan);
 - 2.5.3 Semakan Akaun Touch 'n Go eWallet untuk Transaksi yang mencurigakan atau tidak teratur; dan

anda mengakui dan bersetuju bahawa TNGD mungkin diperlukan untuk melaporkan anda dan/atau aktiviti Kad Visa anda kepada pihak berkuasa yang berkaitan dan TNGD akan bertindak menurut arahan yang diperlukan mereka terhadap mana anda bersetuju bahawa TNGD tidak bertanggungan atau bertanggungjawab untuk apa-apa yang mungkin berbangkit daripadanya, termasuk menyekat, menggantung, atau menamatkan Kad Visa anda dan apa-apa kerugian atau kesulitan yang mungkin dialami anda.

2.6 Dalam keadaan keingkaran anda, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, di mana anda telah memungkiri Terma & Syarat Kad Visa atau Terma dan Syarat Pengguna, gagal untuk membayar yuran atau caj yang diperlukan, telah membekalkan maklumat yang tidak tepat, mengelirukan atau palsu atau telah membuat pengisyiharan palsu atau yang mengelirukan (termasuk keadaan di mana representasi, waranti atau pengisyiharan menjadi tidak benar pada kemudiannya), penggunaan berterusan anda daripadanya adalah dianggap tidak selamat kepada diri anda atau pihak lain (termasuk, di mana anda kelihatan digunakan oleh atau beroperasi sebagai sebahagian daripada suatu sindiket atau *modus operandi* lain yang serupa), adalah suatu risiko kredit, atau di mana terdapatnya (atau sebab untuk mempercayai bahawa berkemungkinan terdapatnya) sebarang transaksi yang mencurigakan, tidak teratur, menyalahi undang-undang, atau penipuan, TNGD merizabkan hak untuk mengambil mana-mana satu (1) atau lebih tindakan yang berikut, di mana sesuai:

- 2.6.1 enggan meluluskan sebarang pengisian Kad Visa (atau pembaharuan atau kad baru);
- 2.6.2 membatalkan sebarang kelulusan terdahulu bagi pengisian Kad Visa;
- 2.6.3 menggantung, menyekat, membatas, mengehadkan atau mengubahsuai sebarang kefungsian atau perkhidmatan;
- 2.6.4 menggantung, menyekat, dan/atau menamatkan Kad Visa anda;
- 2.6.5 menyekat, menolak, dan/atau membalikkan sebarang Transaksi di mana sesuai;
- 2.6.6 mengambil tindakan sedemikian sebagaimana yang diarahkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan; dan/atau
- 2.6.7 mengambil sebarang tindakan lain yang dianggap sesuai oleh kami pada bila-bila masa mengikut budi bicara tunggalnya;

dan dalam kes teruk, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, keadaan di mana anda didapati dengan sengaja menjelaskan keselamatan Kad Visa anda, terlibat dalam aktiviti tidak jujur, menyalahi undang-undang atau fraud atau terdapat kecuaian melampau, untuk mengambil tindakan tambahan yang mana termasuk untuk:

- 2.6.8 enggan untuk membayar balik Baki Tersedia anda;
- 2.6.9 menuntut pampasan terhadap anda bagi sebarang kerugian yang diakibatkan; dan/atau
- 2.6.10 mengambil apa-apa tindakan lain yang kami anggap sesuai pada bila-bila masa mengikut budi bicara tunggalnya.

(secara kolektif sebagai "**Remedi yang Sesuai**")

2.7 Pelaksanaan mana-mana Remedi yang Sesuai oleh TNGD mungkin akan diberikan notis apabila sesuai. Kami akan mengambil usaha komersial yang munasabah untuk memaklumkan anda sebelum melaksanakan sebarang Remedi yang Sesuai, walau bagaimanapun TNGD tidak akan memaklumkan anda apabila kami dilarang oleh pihak berkuasa atau apabila terpakai, atau sebaliknya di mana keadaan menentukan bahawa tiada notis yang harus diberikan.

3. Representasi dan Waranti

3.1 Anda dengan ini memberikan waranti, merepresentasikan dan mengisytiharkan bahawa:

- 3.1.1 anda adalah sekurang-kurangnya berusia dua belas (12) tahun dan anda adalah:
 - (a) seorang warganegara Malaysia dengan Kad Pengenalan yang sah (atau Dokumen Pengenalan lain yang diiktiraf sebagai sah);
 - (b) seorang penduduk tetap Malaysia dengan suatu alamat surat menyurat yang sah di Malaysia; atau
 - (c) seorang warga asing sama ada (1) menetap secara sah di Malaysia atau (2) yang digajikan menurut suatu visa kerja yang sah dan dengan suatu alamat surat menyurat yang sah di Malaysia; dan
- 3.1.2 semua maklumat dan dokumen yang dibekalkan anda (termasuk yang dimasukkan anda melalui Touch 'n Go eWallet) adalah benar, betul dan lengkap dan, walaupun dengan sebarang pengesahan yang mungkin telah dilaksanakan, tiada pergantungan boleh dibuat atas TNGD untuk mengesahkan ketepatannya atau untuk membuat pembetulan kepadanya dan TNGD berhak untuk bergantung kepada maklumat dan dokumen yang dibekalkan anda sebagai tepat dan lengkap;
- 3.1.3 sebarang dan kesemua dana yang anda gunakan untuk sebarang tambah nilai ke dalam Akaun Touch 'n Go eWallet adalah (1) sumber dana peribadi anda sendiri atau anda mempunyai segala kuasa dan kebenaran yang sah untuk menggunakan dana tersebut, dan (2) dana tersebut adalah tidak menyalahi undang-undang;
- 3.1.4 tiada orang lain selain daripada anda yang akan menggunakan Kad Visa anda dan anda tidak akan menjalankan Transaksi bagi pihak lain;
- 3.1.5 anda tidak akan menggunakan atau mengizinkan Kad Visa anda digunakan untuk pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, aktiviti penipuan, menyalahi undang-undang dan aktiviti lain yang mencurigakan;
- 3.1.6 anda akan mematuhi Terma & Syarat Kad Visa di sini (dan sebarang pindaan sebagaimana yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa).

4. Permohonan Kad Visa

- 4.1 Anda boleh memohon Kad Visa tersebut jika anda adalah layak di bawah mana-mana kategori di **Klausula 3.1.1 perenggan (a), (b), atau (c) di atas**. Anda tidak layak jika anda berusia di bawah dua belas (12) tahun atau sebaliknya tidak berada dalam kategori yang dinyatakan.
- 4.2 Anda boleh memohon melalui Aplikasi Touch 'n Go eWallet dan mengikuti arahan, memberikan maklumat yang diminta dengan lengkap dan tepat dan menerima Terma & Syarat Kad Visa.
- 4.3 Permohonan anda akan diproses selepas bayaran berjaya dibuat dan Yuran Permohonan diterima (jika ada).
- 4.4 Kelulusan Kad Visa adalah dalam budi bicara mutlak kami dan tertakluk kepada hasil yang memuaskan daripada proses dan pemeriksaan dalam kami, ketelitian wajar pelanggan (CDD) yang diperlukan, pengesahan *Know-Your-Customer* (KYC) (atau melalui pengesahan

e-KYC kami, yang mana boleh dilakukan sebelum permohonan), dan pemeriksaan dengan agensi pihak ketiga termasuk agensi penilaian kredit.

- 4.5 Kami boleh meminta maklumat atau dokumen lanjut daripada anda yang mungkin diperlukan, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, bagi tujuan untuk mengesahkan identiti, sumber dana, taraf maustatin anda, dan sebagainya dengan secukupnya.
- 4.6 TNGD tidak mempunyai kewajipan untuk memaklumkan anda jika permohonan anda tidak berjaya.

5. Penghantaran Kad Visa

- 5.1 Selepas permohonan anda berjaya diluluskan, anda akan menerima suatu Kad Visa maya dahulu dan Kad Visa fizikal anda akan dihantar kemudian ke alamat surat menyurat yang dibekalkan anda. TNGD tidak bertanggungan bagi sebarang kerugian yang mungkin anda alami sekiranya anda telah membekalkan alamat yang salah atau anda gagal untuk mengemaskini alamat anda.
- 5.2 Tiada penghantaran yang akan dibuat kepada alamat di luar Malaysia atau kepada mana-mana alamat Peti Surat Pejabat Pos (*P.O. Box*).
- 5.3 TNGD akan menggunakan usaha yang munasabah untuk memastikan Kad Visa anda akan dihantar kepada anda dalam 10 hari bekerja dari tarikh kelulusan permohonan. Jika anda tidak menerima kad anda dalam tempoh masa yang dinyatakan, sila hubungi talian khidmat pelanggan kami di +603-5022 3888.
- 5.4 Selepas penerimaan Kad Visa anda, anda mesti mengaktifkan kad anda dan menetapkan PIN Kad Visa 6-digit anda atau Kad Visa anda mungkin tidak diterima oleh Peniaga atau sebaliknya tidak boleh digunakan. Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk mematuhi segala terma dan syarat Perjanjian ini dan anda adalah terikat dengannya berhubung dengan penggunaan Kad Visa tersebut oleh anda.

6. Pengaktifan

- 6.1 Anda mesti mengaktifkan Kad Visa anda sebelum menggunakannya. Anda boleh mengaktifkan Kad Visa tersebut menggunakan Aplikasi Touch 'n Go eWallet anda dengan mengikuti arahan yang diberikan dalam aplikasi dan/atau yang boleh ditemui dalam surat alu-aluan.

7. Yuran dan Caj

- 7.1 Anda adalah bertanggungjawab untuk sebarang dan kesemua yuran yang berbangkit daripada penggunaan Kad Visa tersebut yang mana mungkin termasuk (mengikut mana yang berkenaan), Yuran Permohonan, yuran pasaran pertukaran asing dan/atau rentas sempadan, ATM atau yuran pengeluaran lain (domestik dan luar negara) dan sebarang caj lain sebagaimana yang ditetapkan dan/atau diubah dari semasa ke semasa. Melainkan dinyatakan sebaliknya, yuran sedemikian tidak boleh dikembalikan. Senarai yuran yang dikenakan di bawah:

Jenis Fi	Fi & Caj
Fi Permohonan Kad Visa (Termasuk kos penghantaran RM5)	RM15.00
Fi Tahunan	RM8.00
Fi Penggantian Kad Visa*	RM10.00
Fi Pembatalan Kad Visa	Percuma
Pengeluaran Tunai ATM Domestik	RM1.40
Pengeluaran Tunai ATM Rentas Sempadan	RM10.00
Yuran Transaksi Luar Negara	Diketepikan sehingga diberitahu kelak

*Nota: Yuran dan caj penggantian Kad Visa hanya dikenakan untuk permintaan penggantian Kad Visa yang dibuat oleh Pemegang Kad Visa. Tidak termasuk jika disebabkan oleh kecacatan cip atau Kad Visa.

**Nota: Semua Yuran dan Caj termasuk cukai yang berkenaan, jika berkenaan.

- 7.2 TNGD merizabkan hak untuk menolak apa-apa yuran yang belum dibayar daripada Akaun Touch 'n Go eWallet, termasuk tetapi tidak terhad kepada Baki Tersedia, Pembayaran Pantas, Baki GO+, dan/atau baki GOinvest anda atau daripada sebarang tambah nilai padanya kelak jika TNGD tidak dapat mengenakan yuran sedemikian disebabkan oleh baki yang tidak mencukupi atau apa jua sebab lain.

8. Nombor Pengenalan Peribadi Kad Visa (PIN Kad Visa), Butiran Keselamatan dan Penggunaan Tanpa Kebenaran

PIN Kad Visa

- 8.1 Ketika mengaktifkan Kad Visa anda, anda juga mesti menetapkan PIN Kad Visa anda menggunakan Aplikasi Touch 'n Go eWallet anda.
- 8.2 PIN Kad Visa anda boleh ditukar pada bila-bila masa dengan menggunakan Aplikasi Touch 'n Go eWallet yang sama.
- 8.3 PIN Kad Visa ini bertindak sebagai suatu protokol keselamatan untuk mengesahkan identiti anda untuk memproses Transaksi dan memberi kuasa kepada Peniaga untuk menerima Transaksi tersebut sebagai sah dan telah diberi kuasa oleh anda. Tiada pertikaian akan dilayan bagi Transaksi yang diterima dan diproses menggunakan 3D Secure atau di mana PIN Kad Visa anda dimasukkan dengan betul atas alasan bahawa anda tidak memberi kuasa atau tidak menyedari Transaksi sedemikian. Semua Transaksi yang dilaksanakan dengan kemasukan PIN Kad Visa yang betul oleh anda adalah dianggap sebagai telah diberi kuasa sepenuhnya oleh anda dengan pengetahuan penuh anda.

Butiran Keselamatan

- 8.4 Anda juga mesti memasukkan secara betul dan tepat data peribadi yang diminta yang mana, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, alamat surat menyurat, butiran hubungan, nombor telefon mudah alih, atau butiran peribadi lain. Anda juga mungkin diminta untuk menetapkan kod keselamatan, soalan dan jawapan keselamatan, dan butiran keselamatan lain (secara kolektif “**Butiran Keselamatan**”).

Langkah Pencegahan

- 8.5 Anda harus menetapkan dan mencipta PIN Kad Visa dan Butiran Keselamatan anda sebagai suatu yang tidak jelas atau yang mana tidak boleh diteka oleh seseorang seperti tarikh lahir, nombor Kad Pengenalan atau nombor berulangan. Anda mesti menyimpan butiran peribadi, PIN Kad Visa, dan Butiran Keselamatan anda secara rahsia dan tidak mendedahkan ia kepada mana-mana orang lain untuk apa jua sebab atau menyimpan suatu rekod bertulis atau sebaliknya yang boleh ditemui pihak lain. TNGD tidak bertanggungjawab bagi sebarang kerugian yang mungkin anda alami yang berbangkit daripada penemuan atau penggunaan butiran peribadi, PIN Kad Visa, atau Butiran Keselamatan anda oleh pihak ketiga.
- 8.6 Anda mesti menyimpan Kad Visa anda dengan selamat dan tidak boleh diakses oleh orang lain. Anda mestilah tidak membenarkan orang lain, termasuk kawan dan keluarga atau sebaliknya, untuk menggunakan Kad Visa anda atau berkongsi akses kepada Touch ‘n Go eWallet anda dengan mereka kerana segala Transaksi yang dilaksanakan menggunakan Kad Visa anda adalah dianggap telah diberi kuasa oleh anda sepenuhnya. Anda kekal bertanggungan untuk semua Transaksi yang dilaksanakan menggunakan Kad Visa anda sama ada Transaksi sedemikian adalah, hakikatnya, diberi kuasa oleh anda atau digunakan tanpa kebenaran anda.

Penggunaan Tanpa Kebenaran

- 8.7 Dalam keadaan PIN Kad Visa, atau Butiran Keselamatan anda telah didedahkan atau ditemui orang lain, anda kehilangan atau menyalahletakkan Kad Visa anda, atau terdapat penggunaan tanpa kebenaran Kad Visa anda atau aktiviti lain yang mencurigakan atas Kad Visa anda, anda mestilah mengunci Kad Visa anda melalui Touch ‘n Go eWallet anda. Anda juga boleh menghubungi CSA kami untuk bantuan untuk menyekat Kad Visa anda dan menggantung atau menamatkan penggunaan lanjut Kad Visa anda. Anda mesti berbuat demikian dengan segera. TNGD tidak bertanggungjawab untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung anda yang diakibatkan daripada kegagalan anda untuk mengambil tindakan untuk mengunci Kad Visa anda atau membuat laporan kepada kami, atau kelewatan anda untuk berbuat demikian.

3D Secure

- 8.8 Sebagai tambahan kepada PIN Kad Visa, dan Butiran Keselamatan anda, anda juga mesti tidak berkongsi sebarang OTP yang diterima anda daripada kami dalam Peranti Mudah Alih anda dengan mana-mana orang lain. Tiada pertikaian yang akan dilayan bagi Transaksi yang diterima dan diproses menggunakan *3D Secure* atas alasan bahawa anda tidak memberi kebenaran atau tidak menyedari Transaksi sedemikian. Segala Transaksi yang dilaksanakan menggunakan *3D Secure* adalah dianggap telah diberi kuasa oleh anda sepelepasnya dengan pengetahuan penuh anda.

Kad Visa Gantian

- 8.9 Jika anda melaporkan bahawa Kad Visa anda hilang atau dicuri dan memerlukan Kad Visa gantian, TNGD boleh, dalam budi bicaranya, mengisukan suatu Kad Visa gantian kepada anda tertakluk kepada yuran Kad Visa gantian yang berkenaan, kelulusan dan pengesahan dalaman yang sewajarnya. Selepas kelulusan dan pengaktifan, baki tersedia daripada Akaun Touch 'n Go eWallet anda akan dipautkan kepada Kad Visa baru anda dengan nombor Kad Visa baru. Sebarang Kad Visa yang hilang atau dicuri yang ditemui kemudian mestilah tidak digunakan dan anda mesti potong Kad Visa tersebut kepada separuh dan melupuskannya atau memulangkannya kepada TNGD.
- 8.10 TNGD merizabkan hak untuk tidak mengisukan anda Kad Visa gantian untuk sebab keselamatan, termasuk di mana kami tidak dapat mengesahkan identiti anda secara memuaskan, atau keimbangan lain.

Laporan Polis

- 8.11 Sebarang penggunaan tanpa kebenaran Kad Visa anda membentuk suatu jenayah dan adalah pencurian dan anda mesti membuat laporan polis untuk menyokong sebarang tuntutan bahawa Kad Visa anda telah digunakan tanpa kebenaran anda. Jika diminta, anda mesti membekalkan kepada kami laporan polis tersebut, jika gagal, TNGD boleh tidak meneruskan penyiasatan sebarang tuntutan atau laporan yang dibuat anda atau untuk memberikan anda sebarang bantuan. Meskipun dengan sebarang laporan atau aduan yang dibuat oleh anda kepada kami, jika anda gagal membuat laporan polis dan/atau membekalkan sesalinan yang sama kepada kami apabila diminta, kami boleh menganggap bahawa Transaksi yang diadu telah diberi kuasa dengan sewajarnya atau enggan untuk mengisukan anda Kad Visa gantian. Sebagai tambahan, sebarang keengganan anda untuk membuat laporan polis atau laporan lain yang diperlukan boleh digunakan sebagai inferens terhadap keterlibatan anda dalam aktiviti yang menyalahi undang-undang (di mana sesuai).

Transaksi Sebelum Aduan

- 8.12 Walaubagaimanapun, anda hendaklah bertanggungan untuk sebarang Transaksi yang dilakukan sebelum anda mengunci Kad Visa anda melalui Touch 'n Go eWallet atau sebelum sebarang laporan dibuat kepada kami. TNGD boleh, dalam budi bicaranya, mengehadkan liabiliti anda terhadap Transaksi tersebut kepada RM250.00 jika ia telah ditentukan bahawa anda tidak bertindak secara fraud, tidak jujur, dan cuai.

Penyertaan dalam Aktiviti yang Menyalahi Undang-Undang atau Fraud

- 8.13 Jika didapati bahawa anda telah melakukan, membantu, memudahkan, menolong atau bersubahat, adalah pensubahat (sama ada melalui tindakan atau peninggalan secara aktif or pasif) dalam sebarang tindakan tidak jujur atau fraud yang mana secara langsung atau tidak langsung terlibat dalam penggunaan Kad Visa anda atau Akaun Touch 'n Go eWallet anda, TNGD merizabkan hak untuk mengambil sebarang dan kesemua tindakan undang-undang, termasuk dengan mendakwa anda sepenuhnya setakat dibenarkan undang-undang dan anda hendaklah bertanggungan untuk sebarang dan semua kerugian yang dialami TNGD yang berbangkit daripada tindakan tidak jujur atau fraud sedemikian.

9. Sekatan Penggunaan

- 9.1 Sebagai tambahan kepada sekatan lain di sini, pengisuan dan penggunaan Kad Visa tersebut kepada anda adalah tertakluk kepada sekatan yang berikut:
- 9.1.1 anda hanya boleh memiliki satu (1) Kad Visa;
 - 9.1.2 Kad Visa anda tidak boleh dipindahmilik dan anda tidak boleh membenarkan orang lain untuk menggunakan Kad Visa anda atau mengakses Akaun Touch 'n Go eWallet anda;
 - 9.1.3 anda tidak boleh menggunakan Kad Visa tersebut untuk transaksi yang atau adalah terlibat dalam memudahkan transaksi yang menyalahi undang-undang, pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, atau transaksi penipuan/tidak jujur;
 - 9.1.4 untuk tambah nilai e-dompet kepada pengeluar e-Duit selain TNGD menggunakan Kad Visa, anda tertakluk kepada baki boleh pindah milik Touch 'n Go eWallet anda yang sedia ada anda. Sebarang transaksi yang melebihi baki boleh pindah untuk tambah nilai e-dompet kepada pengeluar e-Duit akan ditolak dan/atau dikira gagal;
 - 9.1.5 anda tidak boleh menyandarkan Kad Visa anda atau menggunakannya sebagai suatu bentuk jaminan terhadap mana-mana pihak ketiga;
 - 9.1.6 anda hanya boleh mendayakan Transaksi berulangan (sebagai contoh penolakan bulanan automatik oleh syarikat telekomunikasi untuk bil bulanan mudah alih anda) dengan mengesahkan Transaksi pertama sedemikian dengan menggunakan pengesahan *3D Secure* dengan menghantar suatu OTP dan kesemua Transaksi berulangan sedemikian kemudiannya hendaklah dianggap sebagai telah secara sama disahkan tanpa memerlukan sebarang OTP;
 - 9.1.7 dalam kes Transaksi berulangan yang telah ditetapkan anda dengan Peniaga, anda mesti sentiasa memastikan bahawa terdapatnya Baki Tersedia yang mencukupi sebelum setiap Transaksi tersebut;
 - 9.1.8 penerimaan, pemprosesan, dan/atau penempatan sebarang Transaksi adalah tertakluk kepada penerimaan oleh Visa dan Peniaga tersebut, yang mana adalah di luar kawalan munasabah TNGD; dan,
 - 9.1.9 Kad Visa tersebut hanya boleh digunakan untuk Transaksi peribadi dan bukan komersial atau transaksi bagi pihak perniagaan atau entiti bukan manusia yang lain.
- 9.2 TNGD merizabkan hak untuk tidak menerima, memproses, menolak, dan/atau membalikkan sebarang transaksi yang kami syaki tidak mematuhi sekatan di atas dan TNGD tidak bertanggungan untuk sebarang kesulitan, kerugian, kerosakan, atau rasa malu yang dialami anda yang berbangkit daripadanya. TNGD selanjutnya merizabkan hak untuk menyekat, menggantung, atau menamatkan Kad Visa anda dalam kes teruk atau di mana ia adalah semunasabahnya diperlukan dalam keadaan tersebut.

10. Kesahan

- 10.1 Kad Visa adalah sah bagi tempoh yang dinyatakan di kad maya dan anda akan diisukan dengan Kad Visa baru selepas tarikh luput daripadanya melainkan (1) anda telah menolak pembaharuan sedemikian atau (2) TNGD telah menolak untuk memperbaharui Kad Visa anda.
- 10.2 TNGD merizabkan hak untuk tidak mengisukan sebarang Kad Visa baru kepada anda atau memperbaharui Kad Visa anda dalam budi bicara kami, yang mana adalah muktamad dan konklusif. Apabila Kad Visa tersebut tamat tempohnya, TNGD tidak perlu mengisukan suatu Kad Visa gantian yang baru dan boleh, dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi, menolak untuk mengisukan satu Kad Visa baru. Walau bagaimanapun, jika TNGD memutuskan untuk mengisukan suatu Kad Visa baru, semua duit dan caj yang terhutang di bawah kad luput tersebut hendaklah dipindahkan kepada Kad Visa baru tersebut.

11. Kad Visa adalah Harta Benda TNGD

- 11.1 Kad Visa tersebut hendaklah kekal sebagai harta benda TNGD pada setiap masa dan, jika diminta, Pemegang Kad Visa mestilah menyerahkan Kad Visa tersebut kepada TNGD atas tuntutan, jika gagal, TNGD merizabkan hak untuk menarik balik, menggantung, menyekat, atau menamatkan Kad Visa anda dan sebarang perkhidmatan lain tanpa notis terdahulu kepada anda atau tanpa memberikan sebarang alasan apa jua.

12. Ciri-ciri Kad Visa

Am

- 12.1 Sebagai Pemegang Kad Visa, anda boleh berurus niaga di semua Peniaga yang mendayakan Visa di seluruh dunia. Tertakluk kepada Terma & Syarat Kad Visa ini dan sebarang peraturan lain yang terpakai, anda boleh membuat pembelian di semua Peniaga fizikal yang memaparkan logo penerimaan Visa, membuat transaksi dalam talian dengan Peniaga e-dagang yang menerima pembayaran Visa, dan membuat pengeluaran tunai di ATM yang didayakan di bawah rangkaian pembayaran Visa dan pengeluaran tunai di saluran terpilih.
- 12.2 Walau bagaimanapun, TNGD tidak memberikan waranti bahawa semua Peniaga akan menerima atau melayan Kad Visa anda kerana Transaksi anda mungkin adalah tertakluk kepada peraturan, terma dan syarat dalaman, atau kebimbangan lain mereka.
- 12.3 Anda boleh memeriksa sejarah transaksi anda, bersama dengan sebarang fungsi lain yang disediakan oleh TNGD untuk Kad Visa tersebut melalui Aplikasi Touch 'n Go eWallet tersebut.

Pembayaran Tanpa Sentuh

- 12.4 Semua Kad Visa mempunyai fungsi Visa PayWave yang membolehkan Pembayaran Tanpa Sentuh sehingga RM250.00 tanpa memasukkan PIN Kad Visa anda ke dalam Pembaca Tanpa Sentuhan. Anda mesti memeriksa amaun yang akan ditolak adalah betul dan memegang Kad Visa tersebut terhadap Pembaca Tanpa Sentuhan tersebut sehingga ia menunjukkan pembayaran adalah berjaya. Anda boleh memilih untuk menetapkan ambang yang lebih rendah bagi Pembayaran Tanpa Sentuh menggunakan Aplikasi Touch 'n Go eWallet anda.

- 12.5 TNGD boleh, dalam budi bicaranya, memerlukan sesetengah protokol pengaktifan atau pengesahan lain sebelum membenarkan Pembayaran Tanpa Sentuh. Anda mestilah tidak membenarkan orang lain untuk menggunakan Kad Visa anda kerana, antara lain sebab, melaksanakan suatu Pembayaran Tanpa Sentuh membentuk kebenaran anda kepada TNGD untuk menolak dana yang berkenaan daripada Akaun Touch 'n Go eWallet anda bagi Transaksi tersebut.
- 12.6 Kadangkala anda boleh diminta untuk memasukkan PIN Kad Visa anda ke dalam Pembaca Tanpa Sentuhan berkenaan Pembayaran Tanpa Sentuh untuk sebab keselamatan selepas beberapa Pembayaran Tanpa Sentuh yang berulangan atau jika sebarang Pembayaran Tanpa Sentuh dicetuskan apabila terdapatnya keraguan berkenaan kesahan Pembayaran Tanpa Sentuh tersebut, atau untuk keselamatan lain.
- 12.7 Pembayaran Tanpa Sentuh tidak tersedia untuk Transaksi melebihi RM250.00, transaksi tanpa kad (*card-not-present*), transaksi dalam talian atau e-dagang, bil atau pembayaran lain yang berulangan, atau transaksi ATM.

Transaksi ATM

- 12.8 Anda boleh membuat pengeluaran tunai dengan menggunakan Kad Visa anda di ATM yang didayakan di bawah rangkaian pembayaran Visa menggunakan PIN Kad Visa enam-digit anda atau di kaunter bank atau institusi lain yang menyertai Visa dengan membentangkan pengenalan yang diperlukan dan menandatangani rekod transaksi yang diperlukan. Pengeluaran mungkin tertakluk kepada had yang ditetapkan oleh ATM, bank, atau institusi peserta Visa.
- 12.9 Pengeluaran yang dibuat di luar Malaysia adalah di bawah mata wang undang-undang bidang kuasa tersebut dan tertakluk kepada kadar pertukaran semasa yang ditentukan oleh Visa dan atas syarat bahawa pengeluaran sedemikian tidak melanggar undang-undang yang terpakai di dalam bidang kuasa tersebut.
- 12.10 Transaksi ATM dan Pengeluaran Tunai adalah tertakluk kepada yuran dan caj yang terpakai sebagaimana yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

Transaksi Dalam Talian dan e-Dagang

- 12.11 Anda boleh menggunakan Kad Visa tersebut untuk membuat pembelian dalam talian atau e-dagang untuk barang dan perkhidmatan di Peniaga dalam talian yang menerima pembayaran yang didayakan di bawah rangkaian Visa. Walau bagaimanapun, TNGD tidak membuat sebarang waranti atau jaminan atas keselamatan atau ketepatan Transaksi yang dijalankan dalam talian, sama ada melalui laman web atau aplikasi mudah alih kerana mereka adalah di luar kawalan TNGD.
- 12.12 TNGD akan menganggap bahawa kemasukan maklumat Kad Visa anda untuk pematuhan tepat dengan protokol keselamatan yang berkenaan, termasuk OTP apabila terpakai, adalah pengesahan yang mencukupi untuk meneruskan dengan Transaksi dalam talian dan kesahan arahan sedemikian. TNGD tidak wajib untuk mengesahkan identiti individu sebenar yang melaksanakan Transaksi tersebut dan TNGD tidak bertanggungan untuk bertindak menurut arahan sedemikian tanpa mengira sama ada ia diisukan oleh anda atau orang lain yang mungkin telah bertindak dengan atau tanpa kebenaran anda.

- 12.13 Walau bagaimanapun, TNGD merizabkan hak untuk tidak memproses Transaksi dalam talian tersebut jika kami mengesyaki bahawa Transaksi telah dilaksanakan oleh orang lain selain daripada anda, terdapatnya keraguan berkenaan kesahan Transaksi tersebut atau sebab lain yang membangkitkan keraguan, atau sebaliknya menyalahi undang-undang.
- 12.14 Tiada Transaksi pesanan mel/pesanan telefon (“MOTO”) yang dibenarkan menggunakan Kad Visa tersebut di mana pembayaran dilaksanakan hanya dengan memasukkan nombor Kad Visa anda (dan/atau bersama dengan CVC) di terminal pembayaran atau titik penjualan tanpa semestinya memerlukan Kad Visa anda secara fizikal. Semua Transaksi MOTO telah dilumpuhkan secara automatik.

Aplikasi Touch ‘n Go eWallet

- 12.15 Kad Visa anda dipautkan dengan Aplikasi dan Akaun Touch ‘n Go eWallet anda dan tiada keperluan untuk menambah nilai Kad Visa anda secara khusus kerana baki Akaun Touch ‘n Go eWallet juga berfungsi sebagai baki Kad Visa anda. Rujuk kepada Aplikasi Touch ‘n Go eWallet anda untuk melihat dan menyemak:
 - 12.15.1 Baki Tersedia anda untuk memastikan anda mempunyai baki yang mencukupi untuk melaksanakan Transaksi, termasuk Transaksi berulangan (jika ada); dan
 - 12.15.2 sejarah Transaksi berkenaan Kad Visa anda (sehingga had maksimum yang boleh ditetapkan oleh TNGD dari semasa ke semasa) yang mana anda harus semak dengan kerap untuk memastikan tiada Transaksi yang tidak diberikuasa oleh anda.
 - 12.16 Kemasukan sejarah Transaksi di dalam Aplikasi Touch ‘n Go eWallet anda berkenaan Kad Visa tersebut adalah dianggap benar, tepat dan diterima sebagai muktamad dan konklusif melainkan jika anda telah memaklumkan kami sebarang kesilapan dalam masa sembilan puluh (90) hari dari tarikh Transaksi yang dipertikaikan. TNGD akan menyiasat kesilapan yang dilaporkan anda dan membetulkan kesilapan tersebut jika ia dibuktikan adalah salah, walau bagaimanapun jika penyiasatan kami menentukan bahawa Transaksi yang dipertikaikan tersebut adalah tulen dan diberikuasa dengan sewajarnya, tiada pembetulan atau caj balikan akan dilaksanakan.
- #### Tetapan Touch ‘n Go eWallet dan Had Kad Visa
- 12.17 Anda boleh membuat tetapan peribadi anda terhadap Kad Visa tersebut, termasuk ambang, melalui Touch ‘n Go eWallet. Anda bertanggungjawab untuk tetapan peribadi tersebut dan maklumat lain yang dimasukkan oleh anda ke dalam Touch ‘n Go eWallet tersebut dan TNGD tidak bertanggungan untuk apa-apa kerugian yang mungkin dialami anda yang berbangkit daripada pelaksanaan atau bertindak atas tetapan sedemikian atau maklumat yang diberikan anda.
 - 12.18 Anda mesti menambah nilai Akaun Touch ‘n Go eWallet anda untuk menggunakan Kad Visa tersebut. Baki Tersedia untuk Kad Visa anda yang boleh digunakan anda untuk melaksanakan Transaksi adalah dipautkan kepada baki tersedia di dalam Akaun Touch ‘n Go eWallet anda dan berikutnya kepadanya, had yang terpakai kepada Touch ‘n Go eWallet juga akan terpakai di sini.
 - 12.19 Transaksi yang boleh dilaksanakan anda juga adalah tertakluk kepada Transaksi yang sama dan had berkala yang ditetapkan dalam Touch ‘n Go eWallet. Transaksi yang melebihi had-

had tersebut atau melebihi secara agregrat tidak akan diproses. TNGD boleh mengubah had-had tersebut dari semasa ke semasa.

Transaksi Antarabangsa & Mata Wang Asing

- 12.20 Anda boleh berurus niaga menggunakan Kad Visa anda di Peniaga yang mendayakan Visa di luar Malaysia untuk kedua-dua Transaksi fizikal dan dalam talian, termasuk Transaksi ATM. Apabila amaun yang dicajkan adalah dalam mata wang asing dan bukan dalam Ringgit Malaysia, amaun Transaksi yang ditolak daripada Akaun Touch 'n Go eWallet anda akan ditolak dalam Ringgit Malaysia yang dikira pada kadar pertukaran mata wang asing semasa yang ditentukan oleh Visa. Caj pentadbiran atau caj lain akan terpakai pada kadar semasa yang ditentukan oleh TNGD dari semasa ke semasa.

Semasa berurusan di luar Malaysia untuk kedua-dua Transaksi fizikal dan dalam talian dengan Peniaga yang mendayakan Visa yang berada di luar Malaysia, terdapat kemungkinan bahawa Peniaga tersebut akan memaparkan amaun transaksi tersebut dalam Ringgit Malaysia. Walau bagaimanapun, ia adalah penting untuk memerhatikan bahawa pihak-pihak yang berkaitan dengan transaksi tersebut mungkin mengenakan fi tambahan atau menggunakan kadar pertukaran mata wang asing yang berbeza. Dengan ini adalah dijelaskan bahawa fi dan kadar tersebut bukan dikenakan oleh TNGD. Akibatnya, penolakan terakhir yang dibuat oleh TNGD mungkin lebih tinggi daripada amaun yang dipaparkan oleh Peniaga.

Perkhidmatan atau Produk Lain

- 12.21 TNGD boleh dari semasa ke semasa menawarkan perkhidmatan, ciri-ciri, produk baru, atau tawaran, promosi, dan kempen lain bersama atau berkaitan dengan Kad Visa tersebut (“**Penawaran Baru**”). Penawaran Baru sedemikian mungkin tertakluk kepada terma dan syarat tambahan, sebagai tambahan kepada Terma & Syarat Kad Visa ini, yang mana kami akan membuat usaha komersial yang munasabah untuk memberitahu dan memaklumkan anda melalui saluran komunikasi kami yang berkaitan.
- 12.22 Anda dianggap telah menerima sebarang terma dan syarat tambahan jika anda memanfaatkan atau mengambil bahagian dalam mana-mana Penawaran Baru tersebut.

13. Amaran/Pemberitahuan

- 13.1 Dengan syarat bahawa anda telah mematuhi Terma & Syarat Kad Visa ini dan Akaun Touch 'n Go eWallet anda adalah dalam keadaan baik, TNGD boleh melaksanakan pemberitahuan dalam aplikasi untuk memaklumkan anda atas (a) amaran penggunaan kad yang pertama; (b) amaran transaksi (domestik atau luar negara) di atas ambang yang telah ditetapkan, (c) Transaksi yang mencurigakan atau tidak teratur, dan/atau (d) sebarang amaran lain, yang boleh ditetapkan anda atau ditentukan oleh TNGD dari semasa ke semasa.
- 13.2 Perkhidmatan amaran ini adalah tertakluk kepada ketersediaan sambungan internet yang aktif dan TNGD tidak bertanggungan kepada anda bagi sebarang amaran yang tidak dihantar, tertangguh atau amaran dengan kandungan yang tidak tepat akibat kegagalan pembekal perkhidmatan rangkaian anda, kegagalan anda untuk mengekalkan sambungan internet yang aktif yang membolehkan penerimaan amaran, Peranti Mudah Alih anda diakses oleh pihak ketiga, atau sebarang sebab lain di luar kawalan munasabah kami. TNGD tidak bertanggungan bagi sebarang kos yang dikenakan kepada anda oleh pembekal pengkhidmatan rangkaian anda bagi penerimaan amaran.

- 13.3 Perkhidmatan pemberitahuan dalam aplikasi ini tidak membebaskan anda daripada sebarang kewajipan dan tanggungjawab di sini untuk memastikan keselamatan Kad Visa, Akaun Touch 'n Go eWallet, dan Peranti Mudah Alih anda. Amaran pemberitahuan dalam aplikasi tersebut juga tidak membentuk sebarang rekod sah bagi mana-mana Transaksi.

14. Kebolehdagangan

- 14.1 TNGD hanya memudahkan pembayaran dan tidak bertanggungjawab atau bertanggungan dalam apa jua cara untuk pertikaian yang boleh timbul antara anda dan Peniaga termasuk, tetapi tidak terhad kepada, pertikaian berkenaan kebolehdagangan, kesesuaian untuk penggunaan atau tujuan, kualiti, penghantaran, kecacatan, kesahan, dan sebagainya barang atau perkhidmatan tersebut. Pertikaian sedemikian harus dirujuk kepada Peniaga untuk penyelesaian dan, melainkan Peniaga bersetuju untuk membalikkan sebarang caj, anda kekal bertanggungan untuk amaun Transaksi yang dipertikaikan.
- 14.2 Sebarang permintaan caj balikan yang dibuat anda hendaklah tertakluk kepada peraturan caj balik Visa.

15. Penamatan dan Pembatalan

- 15.1 Kad Visa anda boleh dibatalkan dan ditamatkan dengan (a) pelaksanaan sebarang hak penamatan oleh TNGD di bawah ini atau (b) dengan penamatan sukarela oleh anda pada bila-bila masa dengan menghantar notis kepada kami dengan menghubungi CSA. Meskipun dengan sebarang penamatan, anda adalah bertanggungan untuk sebarang Transaksi yang dilaksanakan sebelum dan, dalam kes luar biasa, selepas penamatan.
- 15.2 Jika penamatan Kad Visa anda adalah melalui penamatan sukarela oleh anda atau ditamatkan tanpa keingkaran anda DAN Akaun Touch 'n Go eWallet anda juga ditamatkan, pembayaran balik Baki Tersedia anda (sekiranya ada dan selepas menolak yuran atau caj yang terpakai) hendaklah menurut peruntukan Terma dan Syarat Pengguna Touch 'n Go eWallet.

16. Helaian Pendedahan Produk (HPP)

- 16.1 Terma & Syarat Kad Visa ini hendaklah dibaca bersama dengan Pendedahan Produk untuk butiran lanjut perkhidmatan, kemudahan, faedah, yuran, caj, dan butiran lain yang lebih halus.

17. Pindaan dan Pengubahsuaian Terma-terma dan Syarat-syarat

- 17.1 TNGD berhak mengikut budi bicara mutlaknya, dari semasa ke semasa, untuk mengubah, menambah, memadam atau meminda mana-mana Terma & Syarat Kad Visa ini atau mana-mana bahagiannya dengan memberikan anda notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu bagi sebarang perubahan, tambahan atau penghapusan. Jika anda terus menggunakan Kad Visa selepas tarikh efektif mana-mana perubahan, penambahan, pemadaman atau pindaan kepada Terma & Syarat Kad Visa ini, anda telah menerima tanpa syarat perubahan, penambahan, pemadaman atau pindaan tersebut. Anda dinasihatkan untuk melayari laman web TNGD dari semasa ke semasa untuk sentiasa mengemaskini diri sendiri tentang variasi Terma-terma dan Syarat-syarat terkini (jika ada).

- 17.2 Fi dan pembayaran yang dikenakan oleh TNGD menurut Terma & Syarat Kad Visa ini boleh berubah dari semasa ke semasa. TNGD akan memberitahu anda tentang sebarang perubahan terhadap yuran dan pembayaran yang dikenakan oleh TNGD dengan memberikan tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari notis sebelum tarikh kuat kuasa terhadap perubahan kepada yuran dan pembayaran

(Terma & Syarat Kad Visa dikemaskini setakat 1hb Oktober 2024 dan akan berkuat kuasa pada 22hb Oktober 2024)

[BAKI HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]